

Malaysia perlu atasi isu utama perniagaan

BH: Rabu 20/6/2007

Oleh Zuraidah Mohamed

MALAYSIA perlu menangani beberapa isu utama berhubung persekitaran perniagaan bagi memperbaiki kedudukannya di kalangan ekonomi paling kompetitif di dunia.

Ketua Pengarah Lembaga Kemaajuan Perindustrian Malaysia (Mida), Datuk R Karunakaran, berkata walaupun Malaysia ketika ini berada pada kedudukan ke-23 dari segi daya saing oleh Institut Pengurusan Lausanne (IMD) berbanding tempat ke-28 pada 2005, ia belum cukup baik.

Katanya, beberapa isu utama berhubung persekitaran perniagaan perlu ditangani dengan cekap dalam usaha meningkatkan daya saing negara pada tahun-tahun akan datang.

Beliau berkata, isu utama termasuk ketelusan sistem penyampaian awam, tenaga kerja pemacu industri dan ketersediaan infrastruktur yang baik serta persekitaran perniagaan yang menguntungkan.

"Kita belum berpuas hati dengan kedudukan yang dicapai sekarang

dan perlu mengkaji mana-mana kelemahan yang perlu diperbaiki.

"Apa yang perlu dilakukan ialah dengan meletakkan dasar dan sistem yang betul pada kedudukan sewajarnya," katanya pada sidang media selepas pelancaran edisi kedua *Laporan Malaysia 2007* mengenai perniagaan, ekonomi dan analisis politik, di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarang Oxford Business Group (OBG), Andrew Jeffreys; Pengarah Negara OBG, Laura Herrero dan Ketua Komunikasi Korporat

“Kita belum berpuas hati dengan kedudukan yang dicapai sekarang dan perlu mengkaji mana-mana kelemahan yang perlu diperbaiki”

R Karunakaran
Ketua Pengarah Mida

CIMB Group, Effendy Shahul Hamid.


Karunakaran berkata, Malaysia ketika ini mencatatkan aliran masuk pelaburan asing langsung amat menggalakkan, terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan, sekali gus menandakan keyakinan pelabur terhadap persekitaran perniagaan negara.

Katanya, kedua-dua sektor terbabit dijangka kekal sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Mengenai *Laporan Malaysia 2007* itu, Karunakaran berkata ia akan menjadi rujukan penting bagi masyarakat perdagangan asing yang berminat memulakan perniagaan di negara ini, terutama dalam pelaburan langsung asing (FDI).

Sementara itu, Jeffreys berkata, berdasarkan kajian dan analisis, pihaknya menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia terus positif tahun ini, dengan mencatatkan tahap pertumbuhan di bawah enam peratus seperti tahun lalu.

Beliau berkata, laporan setebal 260 muka surat itu diterbitkan setiap tahun dengan analisis dilakukan pakar OBG dengan kerjasama Mida.



RASMI: Karunakaran (kiri) dan Jeffreys menunjukkan Laporan Malaysia 2007 mengenai perniagaan, ekonomi dan analisis politik di ibu kota, semalam.